Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol.14 (2),110 - 121, 2026
Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

MENGANTARABANGSAKAN TEORI-TEORI SASTERA MALAYSIA
Internationalizing Malaysian Literary Theories

A. Halim Ali
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Received:07 June 2026; Published: 25 November 2026

Cite this article (APA) as:

Raja Hassan, T. R., Mohd Rashid, Z., Abd. Latif, S. F., & Abu Bakar, S. (2026). Impak Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Dalam Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Terhadap Kompetensi dan Nilai Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 14(2), 64 - 86. Retrieved from https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/226

ABSRTAK

Perkembangan menarik dalam kesusasteraan di Malaysia alaf baharu ialah kemunculan teori-teori sastera yang dibina dan diperkenalkan oleh para sarjana Malaysia pada awal dekad 90-an yang berusaha menanggapi sastera dari perspektif tempatan. Beberapa orang tokoh sarjana berusaha merumuskan pelbagai idea dari sumber dunia Melayu dan Islam sebagai asas untuk memahami sastera Melayu dan karya-karya yang dihasilkan oleh pengarangnya. Setelah menempuh usia perkembangannya lebih dari tiga dekad, teori-teori sastera ini diperluaskan menerusi pengajaran di pelbagai pusat pengajian tinggi di Malaysia. Selain Malaysia, teori-teori ini juga pernah diajar di beberapa buah universiti di Brunei, Singapura dan Indonesia. Teori-teori ini juga digunakan oleh para pelajar dalam kajian akademik pada peringkat sarjana dan doktor falsafah. Secara umumnya, dapat dikatakan bahawa teori-teori sastera janaan sarjana sastera Malaysia ini memiliki kekuatan dan memiliki kerelevenannya yang mampu diperluaskan pengaruh dan fungsinya dalam bidang sastera di rantau Asia Tenggara dan juga pada peringkat global. Makalah ini menyoroti potensi dan peluang teori-teori sastera Malaysia untuk diperluaskan dan dikembangkan ilmu serta kepenggunaannya dalam dunia akademik pada peringkat antarabangsa. Antara usaha yang perlu dilakukan ialah menterjemahkan kepada bahasa antarabangsa, memperluaskan wacana ilmu pada peringkat negara serantau, sisipan dalam perkuliahan dan perluasan jaringan kerjasama akademik.
Kata kunci: Teori sastera, pengantarabangsaan, kerjasama akademik, perspektif tempatan, Melayu

Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

ABSTRACT

An interesting development in Malaysian literature in the new millennium is the emergence of literary theories formulated and introduced by Malaysian scholars in the early 90s who sought to approach literature from a local perspective. Several prominent scholars have attempted to synthesize various ideas derived from Malay and Islamic sources as a foundation for understanding Malay literature and the works produced by its authors. After over three decades, these literary theories have been expanded through teaching at various of higher learning institutions in Malaysia. Beyond that, these theories have also been taught at several universities in Brunei, Singapore, and Indonesia. They are also employed by students in academic research at the master's and doctoral levels. Generally, it can be said that the literary theories developed by Malaysian literary scholars possess strength and significance that can be further extended in influence and function within the literary field in Southeast Asia and globally. This paper highlights the potential and opportunities for expanding and developing the knowledge and application of Malaysian literary theories within the international academic world. Among the necessary efforts are translating them into international languages, expanding scholarly discourse at the regional level, integrating them into lectures, and broadening academic cooperation networks.
Keywords: Literary theory, internationalization, academic collaboration, local perspective, Malay

PENGENALAN

Kemunculan teori-teori kesusasteraan yang digagaskan oleh sarjana sastera Melayu pada penghujung tahun 1980-an dan awal tahun 1990-an telah memberi wajah baharu kepada sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu di Malaysia. Tokoh-tokoh sarjana sastera Melayu seperti Shahnon Ahmad, Kassim Ahmad, Muhammad Hj Salleh, Shafie Abu Bakar, Mohd Affandi Hassan, Hashim Awang, Mana Sikana dan Sohaimi Abdul Aziz memainkan peranan penting dan sangat bermakna kerana sumbangan besar ini.

Shahnon dan Kassim Ahmad merupakan dua orang tokoh pemula yang mencetus idealisme teoritikal kesusasteraan Islam. Bagi memahamkan konsep sastera Islam, Shahnon Ahmad menyebutkan bahawa kesusasteraan Islam itu ialah kesusasteraan kerana Allah dan berhikmah kepada manusia sejagat (Shahnon Ahmad, 1981:3). Kassim Ahmad pula beranggapan apa sahaja hasil kesusasteraan yang memiliki unsur-unsur Islam sejagat adalah kesusasteraan Islam. Kontradiksi ini telah menjebak kedua-dua tokoh ini ke dalam polemik yang berpanjangan. Kemunculan dua orang tokoh ini memberi cabaran kepada penghasilan kerangka kesusasteraan Islam sebagai alternatif kepada toeri-teori kesusasteraan Barat yang telah sekian lama mendominasi kesusasteraan Melayu (Ungku Maimunah, 1998:26).

Dari sudut sejarah perkembangan teori kesusasteraan Melayu, Shahnon dan Kassim Ahmad dapat dianggap sebagai pencetusnya awalnya. Meskipun keingginan

ISBN:2637-126X

untuk memiliki teori sastera itu sendiri telah tercetus lebih awal iaitu pada tahun 1970-1973 sewaktu Muhammad Hj. Salleh menuntut di Universiti Michigan, Amerika Syarikat. Profesor Alton Becker merupakan sarjana yang bertanggungjawab membuka jalan dan mencetuskan idea kepada Muhammad Hj. Salleh untuk menyelami cara berfikir pengarang Asia Tenggara dengan melihat ke dalam cebisan puitika sastera Burma dan Jawa (Mohamad Mokhtar Hassan, 2003:5).

Setelah pulang ke Malaysia, Muhammad Hj. Salleh mengambil keputusan untuk meninggalkan "dunia Inggeris" yang selama ini menguasainya, dan kembali mencari diri dan sejarah bangsanya. Beliau membawa suatu intensi yang sangat dalam untuk sastera bangsanya memiliki teori sendiri. Bagi Muhammad Hj Salleh (2000), sastera dalam bahasa Melayu akan selalu dianggap "tidak padat", "tidak *intens*" dan akhirnya "tidak baik" kerana kita menilainya dari rangka nilai sastera Barat. Kita akan bersalah sekiranya kita mengukurnya dengan ukuran Barat.

Setelah lebih 30 tahun Muhammad Hj. Salleh menekuni dan menjiwai teori sastera Barat dan Jepun, akhirnya timbul pertanyaan "Apakah teori sastera Melayu?" Menurut beliau soalan ini amat mencabar kerana, untuk menemukan sebuah teori sastera Melayu ia sebenarnya suatu perlakuan pascakolonial yang dianggap akan mengembalikan falsafah Malaysia kepada seninya. Hal ini kerana dengan teori ini, kita menggeser teori yang dipinjam dari Barat dan mengisytiharkan bahawa kita sebenarnya sudah lama mempunyai teori sendiri yang menjadi landasan ciptaan falsafah seni bangsa Malaysia (Muhammad Haji Salleh, 2000:x). Dari sinilah keinginan beliau kian mendesak. Akhirnya pada tahun 1980-an, Muhammad Hj. Salleh memperolehi geran penyelidikan daripada dari *WV Foundation German* dan mula menekuni kajian terperinci ke segenap pelusuk Nusantara bagi menemukan makna, konsep dan ciri-ciri yang dapat memahami erti kesusasteraan Melayu.

Muhammad Hj. Salleh muncul dengan teori *Puitika Sastera Melayu* pada penghujung tahun 1989 setelah kajian itu siap dan dibentangkan menerusi Syarahan Perdana sempena pelantikan profesornya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Memasuki tahun-tahun 1990-an, muncul pula teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, Gagasan Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid oleh Mohd Affandi Hassan (1992) yang kemudiannya muncul dengan gagasan Persuratan Baru, Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997), Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana (1996) dan Rasa Fenomenologi oleh Sohaimi Abd Aziz (1998). Memasuki abad ke-21, muncul pula beberapa gagasan seperti Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Hassan, Sistem Pemikiran Bersepadu 4L/4K oleh Mohd Yusof Hassan dan pada tahun 2010, muncul gagasan *Estetika Bersepadu* oleh Abdul Halim Ali.

Sehingga kini (tahun 2025), sejarah perkembangan teori kesusasteraan Melayu sudah menjangkau usia 40 tahun. Berbanding dengan perkembangan teori kesusasteraan Barat, usia 40 tahun ini adalah "terlalu muda", Sedangkan teori-teori sastera Barat (moden dan pascamoden) telah menguasai kesusasteraan dunia lebih dua abad bermula tahun 1800 hingga kini (2025).

ISBN:2637-126X

Berbeza dengan teori-teori sastera di Barat, teori-teori Sastera Malaysia dapat dikatakan melalui fasa pertama yang dinamakan sebagai fasa permulaan. Pada peringkat ini, para penteori kelihatan berusaha gigih memperjelaskan prinsip-prinsip dan dasar teori masing-masing dan cuba menguji kemampuannya dalam bidang kritikan. Shafie Abu Bakar, Sohaimi Abd Aziz dan Mana Sikana dilihat gigih melakukan usaha bagi membuktikan kebolehpercayaan dan legitimasi prinsip-prinsip teori mereka.

LATAR BELAKANG

Usaha yang dirintis oleh Muhammad Hj. Salleh dan beberapa tokoh sarjana lain berikutnya mendapat sambutan baik dalam kalangan sarjana di Malaysia. Zawiyah Yahya dalam bukunya yang bertajuk *Resisting Colonialist Discourse* (1994) misalnya menyatakan bahawa, membina teori sastera tempatan adalah sebahagian daripada usaha 'resisting colonialist discourse', yakni sebahagian daripada perjuangan melawan hegemoni Barat dari segi politik dan ekonomi serta melawan hegemoni dalam bidang ilmu. Selain Zawiyah Yahya, ramai lagi tokoh sarjana yang turut memberi sambutan baik terhadap kemunculan teori-teori sastera ini misalnya Ungku Maimunah Tahir, Mohd Salleh Yaapar, Sahlan Mohd Saman dan lain-lain. Malahan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur turut menggerakkan pelbagai sesi wacana yang menyediakan ruang perbincangan ilmu berkaitan pembinaan teori sastera sendiri. Antara respon kepada teori Takmilah, Ungku Maimunah Tahir ada menyebutkan;

> "Memahami teori Takmilah, kita akan dapat mengenalpasti dan mengetahui peranan falsafah ketauhidan (sebagai *bedrock of Islam*) dalam aktiviti kesusasteraan. Teori Takmilah ini memberikan kejelasan kepada arah tujuan dan matlamat kepada kesusasteraan itu sendiri".
>
> (Ungku Maimunah, 1997:21).

Tirto Suwondo (2017), seorang pengkaji sastera Indonesia dalam responnya terhadap teori sastera Malaysia menerusi tulisan di blognya Kaji Sastra menyebutkan, bahawa walaupun teori Takmilah baharu diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1992, namun ia cepat mendapat tempat di hati para kritikus dan mereka saling menyempurnakan. Padahal sebelumnya (1989), telah muncul teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang.

Teori-teori kesusasteraan tempatan terbina atas beberapa kesedaran tentang kelemahan teori Barat dan juga keperluan kepada teori kesusasteraan tempatan yang benar-benar dapat menghasilkan interpertasi yang menjangkau ke dasar jati diri Melayu dan Islam. Hashim Awang (1997) menegaskan, bahawa model-model teori yang dikemukakan oleh sarjana sastera Barat rata-rata tidak lengkap, bersifat berat sebelah dan memberi perhatian kepada satu-satu aspek sahaja. Hakikatnya, teori sentiasa berada dalam keadaan tidak stabil dan terdedah kepada idea-idea baharu yang bersifat menentang atau mengubahsuai mana bahagian yang dianggap lemah.

ISBN:2637-126X

Shafie Abu Bakar juga bertolak dari idea yang serupa, lalu membawa diri dari teori-teori sastera Barat itu ke dalam pemikiran Islam. Beliau berpandangan, teori-teori Barat tidak dapat menyelongkari makna seakrabnya dengan karya-karya penulis Islam. Teori-teori kesusasteraan Barat pada fahaman beliau tidak mampu mempertalikan hubungan manusia secara bathiniah antara diri mereka sebagai hamba dengan Pencipta-Nya (Allah). Demikian juga untuk membuktikan kerelevenan hubungan antara sastera dengan tanggungjawab pengarang muslim terhadap penulisannya di sisi Islam (A.Halim Ali, 2018:196).

Demikian juga pandangan Mohd Affandi Hassan yang melihat kesusasteraan itu tidak terbatas hanya kepada kegiatan kesasteraan, sebagaimana yang ditonjolkan oleh penulis Barat atau sesetengah penulis-penulis Islam yang terpengaruh dengan konsep kesusasteraan Barat itu. Sebaliknya, kita sepatutnya memanfaatkan segala hasil sastera dunia yang terbaik dalam satu kurikulum pendidikan estetika yang menyeluruh, yang asasnya ialah nilai-nilai mutlak daripada ajaran tauhid (Mohd Affandi Hassan, 1992:4). Mohd Affandi turut memetik pandangan Soheir el-Kalamawy dan Mahmoud Ali Makky dalam tulisan mereka yang berjudul "Arabic Literature" (1977). Ternyata, arus pengaruh kesusasteraan Barat beserta gagasan teorinya yang meresap ke dalam sistem pendidikan negara telah mengaburkan pandangan umat Islam daripada mengenali warisan persuratan Islam yang gemilang lagi berwibawa, yang pernah meninggalkan jejak mendalam dalam khazanah kesusasteraan Eropah. Para pelajar dan guru tidak didedahkan dengan teori-teori kesusasteraan Islam sebagaimana yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh Islam seperti Abd al-Qadhir al-Jurjani dan lain-lain (Mohd Affandi Hassan, 1992:5).

Mana Sikana pula melihat hegemoni teori-teori kesusasteraan Barat dalam kesusasteraan Melayu sebagai sesuatu yang tidak wajar. Bagi beliau, teori-teori Barat telah memancarkan konsepsi sastera yang tidak mempunyai jati diri dan tidak seiring dengan konteks sosio budaya di negara ini. Akibatnya, masyarakat sastera kita terumbang ambing di bumi sastera yang mereka diami. Justeru, Mana Sikana menyebutkan bahawa wacana Teksdealisme yang dikemukakan adalah satu usaha yang diharapkan dapat menawarkan jalan alternatif lain yang lebih sesuai dengan khazanah sastera Melayu.

Berasaskan pandangan beberapa tokoh ini, dapat dikatakan, bahawa sebab utama kemunculan teori-teori kesusasteraan tempatan merupakan refleksi kepada teori-teori kesusasteraan Barat yang diyakini sarat dengan kelemahan-kelemahan. Bertolak dari kelemahan itu, tercetuslah proses pencarian dan pembinaan teori yang lebih berjati diri prinsipnya, yang disifatkan oleh Muhammad Haji Salleh sebagai "mengembalikan falsafah Malaysia kepada seninya" (Muhammad Haji Salleh, 2000:x).

OBJEKTIF

1. Membincangkan secara deskriptif, kebolehgunaan teori-teori sastera Malaysia dalam kajian ilmiah
2. Menghuraikan misi mengantarabangsakan teori-teori sastera Malaysia.

ISBN:2637-126X

METODOLOGI

Analisis ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan. Data diperoleh melalui penelitian terhadap tesis sarjana dan doktor falsafah yang berkaitan dengan bidang teori sastera, buku akademik, artikel jurnal, prosiding, Analisis dilakukan secara deskriptif berasaskan dua tema iaitu kebolehgunaan teori dan misi pengantarabangsaan.

KEBOLEHGUNAAN TEORI

Teori-teori seperti Takmilah, Pengkaedahan Melayu, Teksdealisme, Persuratan Baru dan Rasa-Fenomenologi mula memasuki dunia kritikan sastera Malaysia dan menjadi sebahagian daripada teori kritikan yang mampu diuji. Teori Takmilah pertama kali diuji terhadap *Kumpulan Puisi Kau dan Aku* (1994) karya A.Aziz Deraman. Berasaskan analisis yang dilakukan, Shafie Abu Bakar mendakwa beliau berjaya menemui hubungkait persoalan yang dapat dipadankan dengan dasar-dasar teori. Teori Rasa-*Fenomenologi* pula diuji ke atas karya-karya A.Samad Said dalam pelbagai genre, manakala teori Teksdelisme pula diuji menerusi ketokohan Shahnon Ahmad dan Muhammad Hj Salleh bagi menemukan unsur keunggulan kepengarangan dan teksnya. Dalam perkembangan terkini, muncul pula teori Estetika Bersepadu (2010) dengan gagasan idea kesepaduan estetika dengan perutusan agama oleh Abdul Halim Ali. Menerusi teori ini, gagsan ideanya teruji menerusi kajian ke atas sajak-sajak Ahmad Kamal Abdullah (2010) serta kajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah oleh Norawi Haji Kata ke atas sajak-sajak penyair Sabah (2024).

Meskipun kehadiran teori-teori ini masih baharu usianya, namun beberapa perkara penting kelihatan muncul bersekali dengan kemunculan teori-teori tersebut. Perkara ini pada tanggapan saya sangat penting untuk diberi perhatian oleh para penteori dalam usaha memperkembang, memantap dan memperluaskan lingkungan pengaruh teori masing-masing atau untuk mengangkat teori-teori berkenaan sebagai teori kritikan sastera yang memiliki keupayaan yang tinggi dan meyumbang kepada kemajuan kesusasteraan Melayu di Malaysia khususnya, di rantau Asia Tenggara dan dunia amnya.

Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2003), satu hal yang cukup membanggakan dalam perkembangan teori sastera tempatan adalah apabila teori mendapat sambutan, berpengaruh dan mempunyai pengikutnya. Ini jelas terbukti dengan adanya kajian-kajian pada peringkat latihan ilmiah, tesis atau disertasi yang mengaplikasikan teori-teori sastera tempatan. Jumlah ini didapati besar apabila diteliti melalui pelbagai hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh para mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Antara kajian yang mengaplikasikan teori sastera tempatan oleh para mahasiswa pada peringkat ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah di universiti-universiti tempatan misalnya oleh Samsina Haji Abd. Rahman, “Unsur-unsur Tasawuf dalam Puisi-puisi Melayu Moden di Malaysia dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan”, UKM (1996), Norlina Shahidan, “Drama-Drama A. Samad Ismail: Suatu Kajian Teksdealisme”, UKM

ISBN:2637-126X

(1998), Rajiee Abdul Hadi, "Kepengarangan T. Alias Taib: Satu Kajian Teksdealisme", UKM (1998), Rohizani Yaakob, "Drama-Drama Ismail Kassan: Satu Analisis Teksdealisme", UKM (1998), Kalthom Husain, "Novel-novel Mohd. Affandi Hassan: Penelitian Terhadap Ciri-ciri Persuratan Baru Melayu", UKM (1999), Zubaidah Abu Samah, "Ketakmilahan Pantun Melayu : Analisis Keindahan" UM (1999), Maniyamin Haji Ibrahim, "Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi *Tafakur*, *Tali Iman* dan *Dua Samudera* Karya Abham T.R.", UM (1999) dan Rozana Hashim, "Novel-novel A. Samad Said : Interpretasi Teksdealisme", UM (2001).

Sehingga tahun 2025, teori-teori sastera ini digunakan dalam kajian akademik di peringkat sarjana muda, sarjana dan juga doktor falsafah. Selain itu, dalam kalangan aktiviti dan peneliti sastera di luar institusi pengajian tinggi juga menggunakan teori-teori ini dalam penulisan esei kajian dan makalah seminar.

Setakat ini, tidak ada data yang menunjukkan sarjana, ahli akademik, pengkaji, mahasiswa pusat pengajian tinggi di Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand menggunakan teori sastera Malaysia untuk tujuan kajian ilmiah atau kritikan sastera. Walau bagaimanapun, seorang peneliti sastera Balai Bahasa Bandung, Asep Supriadi (2011) pernah mengaplikasikan teori Takmilah dalam kajiannya terhadap novel-novel bernuasa Islam di Indonesia.

MISI MENGANTARABANGSAKAN TEORI SASTERA MALAYSIA

Usaha mengantarabangsakan teori sastera dapat digerakkan melalui pelbagai kaedah, antaranya memperkenalkannya dalam wacana keilmuan, memasukkannya sebagai kandungan kuliah atau sisipan kursus di institusi pengajian tinggi, melahirkan pengamal serta pendukung, menterjemahkannya ke dalam bahasa antarabangsa, menerbitkannya, memperkukuh jaringan kerjasama akademik, dan mempelbagaikan saluran penyebaran maklumat melalui medium digital. Pendekatan pemasaran strategik juga wajar dimanfaatkan bagi memperluas capaian ilmu teori ini ke persada antarabangsa.

"Misi" bermaksud tindakan yang jelas dan objektif untuk dilakukan bagi mencapai matlamat mengantarabangsakan teori sastera Malaysia. "Mengantarabangsakan" pula merujuk kepada meletakkan teori sastera perdana dalam arus perdana ilmu di beberapa buah negara khususnya negara-negara yang menawarkan pengajian Melayu di pusat pengajian tinggi. Usaha ini tentu sekali memerlukan tindakan bersepadu dalam kalangan ahli akademik di pusat pengajian tinggi Malaysia dan rakan-rakan ahli akademik mereka di luar negara. Wadah yang kondusif perlu disediakan bagi membolehkan ilmu teori ini berakar kukuh. Melalui ruang akademik, proses peluasan dan penyebaran, ilmu teori dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pada dasarnya, usaha memperkenalkan teori-teori sastera Malaysia pada peringkat antarabangsa telah bermula sejak tahun 1996 lagi. Ungku Maimunah Tahir yang juga merupakan mantan Profesor di Jabatan Persuratan Melayu, UKM telah membentangkan satu makalah di Humboldt University, Berlin. Menerusi pembentangan tersebut, beliau memperkatakan tentang kritikan sastera Islam di Malaysia dengan memberi tumpuan

ISBN:2637-126X

kepada kemunculan teori-teori sastera seperti teori Takmilah sebagai wadah kritikan sastera baharu di Malaysia. Pada tahun 1997, Ungku Maimunah secara khusus mewacanakan teori Takmilah janaan Shafie Abu Bakar dalam satu kolokium di Australian National University. Terakhir, Ungku Maimunah mewacanakan teori-teori kritikan sastera Melayu ini di New Zealand dan Filipina.

Penting sekali bagi teori-teori ini untuk diajarkan serta dikuliahkan di pusat-pusat pengajian tinggi. Namun demikian, penerimaan ilmu teori ini ke dalam kuliah bukanlah perkara yang mudah sekiranya tiada kesediaan dalam kalangan ahli akademik untuk melaksanakannya. Jika ditelusuri dari sudut sejarah, penerimaan teori-teori sastera Barat dalam kesusasteraan Malaysia serta di negara-negara lain di dunia berlaku melalui kegiatan keilmuan. Sebagai sumber ilmu, teori sastera Malaysia berpotensi untuk diterima secara positif oleh ahli akademik di seluruh dunia, sebagaimana teori-teori sastera Barat diterima dengan mudah tanpa terlalu mempertikaikan manfaat atau mudaratnya.

Teori-teori sastera Barat masuk ke dalam sastera Malaysia seawal tahun 1950-an. Para sasterawan, pengarang, aktivis dan ahli akademik terdedah kepada teori-teori yang ditimba dari kersarjanaan Barat. Teori-teori kesusasteraan Barat ini dipraktikkan dan disebarkannya pula dalam kalangan pengkritik sastera generasi terkemudian, sama ada melalui kuliah, bengkel atau tulisan kritikan mereka (Sahlan Mohd Saman, 1997:192). Kursus teori kesusasteraan kemudiannya diajar sebagai pelengkap kepada disiplin kritikan yang amat bergantung kepadanya. Dari situ, bermulalah hegomoni wacana teori kesusasteraan Barat dalam pengajian ilmu kesusasteraan di Malaysia. Kedudukan teori-teori dari Barat ini terus kukuh dalam disiplin teori kesusasteraan dan kritikan sastera sehingga ke hari ini. Malah sebahagian besar tokoh dan sarjana sastera Malaysia diberi label tertentu berasaskan teori-teori dan pendekatan-pendekatan kritikan Barat tertentu pula bagi menggambarkan kecenderungan masing-masing.

Strategi Pemasaran Teori

Pemasaran ialah satu proses sosial dan pengurusan di mana individu dan kumpulan memperolehi apa yang mereka perlukan dan kehendaki melalui pembentukan dan pertukaran keluaran dan apa yang bernilai dengan orang lain (Kotler & Armstrong, 2000:6). Boone & Kurtz (2004) pula mendefenisikan pemasaran sebagai *the process of planning and executing the conception, prising, promotion and distribution of idea, goods, services organizations and events to create and maintain relationship that will satisfy individual and organizational objectives.*

Berdasarkan definisi ini, maka teori sastera juga termasuk antara “benda” yang perlu kepada perancangan, strategi dan pelaksanaan pemasaran. Menghasilkan teori sepatutnya tidak sekadar sebagai alternatif kepada teori Barat yang sedia ada, tetapi seharusnya menjangkau kepada tujuan-tujuan pengaplikasian dan pengamalan secara sungguh-sungguh dalam dunianya. Para penteori juga wajar mengambilkira beberapa perkara yang berkaitan dengan “kehendak” pengguna sastera dalam usaha pembikinan

ISBN:2637-126X

teori di samping pertimbangan ilmu yang menjadi dasarnya. Hal ini kerana, kehendak adalah bentuk keperluan manusia kerana ia dipengaruhi oleh budaya dan personaliti individu (Kotler & Armstrong, 2000:7).

Menurut Kotler lagi, manusia mempunyai kehendak yang tiada hadnya, tetapi sumber yang terhad. Namun, dalam sastera di Malaysia, teori sastera yang menjadi sumber terhad dalam tahun 1970-an dan 1980-an kini tidak terhad lagi. Terdapat sepuluh teori ditawarkan kepada pengguna sastera. Teori-teori ini pula menawarkan pelbagai kaedah yang boleh dianggap sesuai dengan fitrah ilmu sastera itu sendiri.

Konsep yang paling asas yang menjadi dasar pemasaran ialah keperluan manusia (Kotler & Amstrong, 2000:4). Keperluan manusia ialah ketiadaan yang dirasai. Keperluan-keperluan ini termasuklah keperluan fizikal, keperluan sosial dan keperluan diri. Keperluan ini bukan dicipta tetapi wujud secara semula jadi. Dalam sastera, khalayak merupakan manusia yang menuntut keperluan-keperluan itu tadi. Para penteori wajar memahami dan mempelajari keperluan pengguna dan penganut sastera. Dalam syarikat-syarikat terkemuka, orang-orang pada semua peringkat rapat dengan pelanggannya (Kolter & Amstrong, 2000:5). Dari situlah mereka akan mengkaji dan menganalisis keperluan. Daripada maklumat yang dianalisis, data diperolehi secukupnya untuk menyediakan keperluan yang benar-benar boleh menguntungkan dan memberi manfaat terbaik kepada kedua pihak.

Demikian halnya dengan penteori. Mendekati pelanggan dan penganut sastera ke akar umbi adalah satu tindakan penting. Sejauh manakah penerimaan masyarakat umum dan masyarakat khusus dalam sastera terhadap teori dan kritikan?. Apakah aspek yang paling diperlukan dan mendesak dalam bidang teori dan kritikan?. Sekurang-kurangnya, pengalaman Shafie Abu Bakar, Mohd Affandi Hassan dan Hashim Awang boleh diambil manfaatnya. Mereka telah mengesan keperluan paling asas dalam bidang teori dan kritikan sastera Malaysia iaitu jati diri bangsa itu sendiri. Dua asas jati diri yang perlu ada dalam teori dan kritikan sastera Melayu ialah Islam dan Melayu. Namun begitu, tidak jelas, sejauh manakah mereka ini menyediakan pengamal dan penganut sastera Melayu dengan minda yang berorientasikan Islam dan Melayu.

Perluasan Maklumat Teori Menerusi Atas Talian

Pendekatan baharu dalam penulisan dan penerbitan karya kesusasteraan ialah menerusi atas talian atau dikenali juga dengan nama “sastera siber” yang berkembang dan sampai kepada khalayak secara maya. Hampir kebanyakan kegiatan perniagaan, perkhidmatan, pendidikan dan sebagainya berlaku secara atas talian. Ruang siber telah membuka satu pendekatan baharu yang lebih efektif dan interaktif. Setakat ini, teori-teori sastera Barat membanjiri ruang siber dan menyediakan khidmat atas talian yang meluas dan informatif. Pengguna sastera tidak sekadar mempelajari teori-teori tersebut secara langsung, tetapi juga boleh mengetahui di mana teori-teori tersebut ditawarkan.

Ahli-ahli teori Malaysia masih belum memanfaatkan pendekatan ini dengan sewajarnya. Sorotan yang dilakukan mendapati, hanya Mohd Affandi Hassan yang aktif

ISBN:2637-126X

menghidupkan wacana tentang teori Persuratan Baru menerusi laman blog (https://pbaru.com). Berbanding bidang kreatif, bidang teori dan kritikan sastera Malaysia dikatakan jauh ketinggalan dalam mengisi ruang siber yang terbuka luas. Laman sesawang teori dan kritikan sastera Malaysia wajar diwujudkan. Penteori atau sarjana boleh mengambil inisiatif ini, di samping memperkenalkan konsep-konsep perkhidmatan atas talian seperti *e-sastera, e-teori, e-kritikan, mykritik* dan sebagainya supaya teori dan kritikan sastera mempunyai premis mayanya tersendiri. Dengan memasuki ruang siber ini, teori sastera Malaysia akan tersebar luas dan boleh diakses di seluruh dunia. Menurut Kotler, pemasaran atas talian mempunyai masa depan yang sangat baik. Kekukuhan strukturnya membayangkan suatu masa di mana internet dan perdagangan secara elektronik akan menggantikan majalah, akhbar dan malah juga kedai sebagai sumber untuk maklumat dan pembelian.

Bidang sastera kreatif sudah memasuki ruang siber sejak tahun 1997 menerusi genre cerpen, novel dan puisi. Sayangnya, perluasan maklumat tentang teori dan kritikan sastera Malaysia masih terbatas dengan cara lama, berlegar-legar di atas meja seminar sekali sekala dan lazimnya diperam oleh khalayak tanpa berbuat apa-apa.

Mutu Teori

Kualiti merupakan aspek terpenting dalam prinsip pemasaran. Lazim disebut, “kualiti meningkat produktiviti”. Sebagai penjual, sewajarnya mereka bukan sekadar harus tahu, tetapi sedar dan positif terhadap kualiti barangan. Kualiti menjadi daya tarikan dan pertimbangan terunggul bagi pembeli yang berakal dan futuristik.

Persoalannya, adakah teori sastera sarjana Malaysia bermutu?. Sukar untuk memberi jawapannya, kerana belum ada kajian yang membuktikan *standard*nya. Terdapat pandangan dalam kalangan ahli sastera Indonesia yang menyebutkan bahawa teori sastera Malaysia (merujuk teori Takmilah) masuk ke Indonesia dalam tahun 2005 tetapi tidak berkembang. Teori ini kurang mendapat tanggapan dari para pakar sastera Indonesia, terutama dari para pakar sastera beraliran Barat. Sebahagian ahli sastera Indonesia menganggap bahwa teori takmilah lemah dan tidak dapat digunakan untuk mengkaji karya sastera, khususnya sastera Indonesia (Asep Supriadi, 2011:246).

Di sebalik pandangan pesimis ahli sastera Indonesia terhadap teori sastera Takmilah, terdapat pula tanggapan optimis dan penerimaan baik terhadap gagasan teori sastera Malaysia khususnya gagasan yang dikemukakan oleh Mohd Affandi Hassan menerusi bukunya yang berjudul *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid* (1992). Wajar disebutkan di sini, buku ini telah diterima oleh Aga Khan dari University Institute for the Study of Muslim Civilizations, United Kingdom untuk sebuah projek menghimpunkan karya-karya ilmiah Islam yang dinamakan *The Annotated Bibliography Project* (Faizal Musa, 2021:31). Buku yang mengandungi gagasan konsep sastera berasaskan Pendidikan Estetika Islam itu dianggap Mohd Affandi Hassan sebagai sebuah buku terpenting abad ke-20.

Sebagaimana yang disebutkan pada awal perbincangan, salah satu faktor kemunculan teori sastera di Malaysia ialah kesedaran para sarjana sastera Melayu terhadap kelemahan (kurang/tidak bermutu) teori Barat. Oleh itu, dalam konteks sastera

ISBN:2637-126X

Malaysia, penghasilan teori sastera ini sewajarnya dapat mengatasi kekurangan tersebut. Dengan kata lain, ada kualitinya dalam amalan kritikan terhadap teks-teks kesusasteraan yang universal sifatnya. Tentu sekali tidak wajar teori-teori sastera janaan sarjana Malaysia ini meneladani teori-teori Barat yang mengurung kesusasteraan dalam sangkar tekstual atau lingkungan kesusasteraannya sahaja. Jika berlaku demikian, tidak ada bezanya teori Barat dengan teori sastera Malaysia.

RUMUSAN

Kemunculan teori sastera yang dijana oleh sarjana sastera Malaysia seharusnya dipandang sebagai satu sumbangan yang bermakna dalam perkembangan kesusasteraan di Asia Tenggara. Teori-teori ini tidak harus dibiar tanpa mendapat sentuhan ilmiah dalam kalangan sarjana di rantau ini. Dengan mengambil kira kesetaraan budaya, latar pendidikan dan agama masyarakat di rantau Asia Tenggara, teori-teori sastera Malaysia berupaya untuk dijadikan instrumen kritikan karya-karya sastera, pengarang dan khalayak yang ada dalam lingkungannya. Sekiranya teori-teori ini dapat hidup subur di bumi Asia Tenggara, tidak ada sebab ia tidak boleh menebar dan berkembang di peringkat antarabangsa.

RUJUKAN

A.Halim Ali (2018) *Menilai makna keindahan berasaskan konsep estetika bersepadu*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.

A.Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia*, Shah Alam: NHA Excell Resources

Abdul Halim Ali. (1998). "Teori Inggeris Jadi Sumber Ilmu". *Mingguan Malaysia*. Keluaran 7 Jun 1998.

Asep Supriadi. (2011). "Takmilah: Menuju Teori Sastra Islami". *Atavisme: Jurnal Ilmiah Kajian Sastra,* Vol *14* (2), dimuatturun dari https://researchgate.net. publication/316068856

Hashim Awang. (1997). "Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Melayu" dalam Mana Sikana (pngr). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

https://www.kajisastra.com/2017/01/teori takmilah-cara baru-pemahaman.html

Kotler & Amstrong. (2000). *Principal of Marketing*. Prentice Hall.

Louis E. Boone, David L. Kurtz. (2004). *Contemporary Marketing*, Thomson South-Western

Mana Sikana. (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohd Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Pustaka.

ISBN:2637-126X

Mohd Faizal Musa. (2021). "Tanggapan Terhadap Persuratan Baru: Ambiguiti dalam Pujangga Melayu Karya Mohd Affandi Hassan". *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *9*(1), 2021: 29 – 45,doi.org/10.17576/

Mohamad Mokhtar Hassan. (2003). "Teori Sastera Melayu: Persoalan Jati Diri", Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Teori Sastera Anjuran Jabatan Sastera, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim di Bilik Seminar 1, Kompleks Fakulti Seni dan Muzik, UPSI pada 13 September 2003.

Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd Saman. (1997). "Teori Sastera Islam: Satu Perbandingan" dalam Mana Sikana (pngr). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shafie Abu Bakar. (1997). "Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip" dalam Mana Sikana (pngr). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan Dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Maimunah Mohd Tahir. (1996). "*Between Production And Appreciation: A Critique of Malaysia's Islamic Literature Discourse 1970s-1990s".* Kertas Kerja Dibentangkan dalam Kolokium Eropah Ke-10 dalam Pengajian Melayu dan Indonesia (ECIMS) di Humboldt Unive rsity, Berlin,17-22 Jun 1996.

Ungku Maimunah Mohd Tahir. (1997). *"Shafie's Abu Bakar Teori Takmilah: Malaysia's Islamic Framework For Literary Appreciation and Evaluation".* Kertas Kerja. Malaysia Society Colloqium, di Australian National University, 22-23 November 1997.